
SIARAN MEDIA

MyCC DAN MARDI USAHASAMA BANTERAS TIPUAN BIDA

KUALA LUMPUR, 6 MAC 2019 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengadakan Forum Memahami dan Menghindari Perlakuan Tipuan Bida Dalam Urusan Perolehan Kerajaan di Dewan Tan Sri Yusof Hashim MARDI Serdang.

Forum yang julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh Dr. Kamariah Long, Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail serta ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Forum ini dihadiri oleh lebih kurang 300 orang wakil dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), Jabatan Pertanian (DoA), Jabatan Perikanan (DoF), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (PELADANG), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Ini adalah sebahagian daripada inisiatif MyCC dalam membendung kegiatan tipuan bida dalam perolehan kerajaan. Penjawat awam yang menghadiri program tersebut telah didedahkan dengan kaedah untuk mengenal pasti elemen tipuan bida yang mungkin wujud dalam sesuatu perolehan tender Kerajaan serta mekanisma bagi menangani tipuan bida daripada terus berlaku.

“Mengikut Akta Persaingan 2010, tipuan bida adalah satu pelanggaran di bawah Seksyen 4(2)(d). Perusahaan yang didapati melanggar Akta tersebut boleh dikenakan penalti kewangan sebanyak 10% daripada pusing ganti seluruh dunia” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

“MyCC mengalu-alukan sebarang aduan dan maklumat daripada mana-mana pihak jika mengesyaki terdapat urusan bidaan yang melanggar Akta Persaingan 2010. Sekiranya sesebuah perusahaan yang sedang melakukan kegiatan penipuan ini ingin berhenti dari terus melakukan pelanggaran dan berkerjasama dengan MyCC dalam siasatan, mereka layak untuk memohon kelonggaran di bawah Seksyen 41 Akta Persaingan 2010” tambah Iskandar Ismail.

Maklumat lanjut berkaitan regim kelonggaran boleh diakses melalui laman sesawang MyCC di <http://www.myc.gov.my>.

--tamat--

***Petikan Gambar:** Sebahagian peserta yang menghadiri Forum Memahami dan Menghindari Perlakuan Tipuan Bida Dalam Urusan Perolehan Kerajaan anjuran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**



Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.